

14 NOV 2001

DR MAHATHIR UCAP SELAMAT JALAN KEPADA PM MAGHRIBI

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan selamat jalan kepada rakan sejawatnya dari Maghribi Abderrahmane El Youssoufi yang menamatkan lawatan empat hari ke Malaysia esok.

Abderrahmane, yang tiba Isnin lepas bersama rombongan 36 orang anggota dijadual berlepas ke Paris, Perancis malam esok.

Sepanjang lawatannya, tiga perjanjian persefahaman (MoU) telah ditandatangani bagi meningkatkan hubungan dan kerjasama dua hala antara kedua-dua buah negara.

Antaranya ialah mengenai penubuhan suruhanjaya bersama bagi menjalin kerjasama dalam bidang ekonomi, teknikal, saintifik dan kebudayaan.

Maghribi juga menyatakan hasrat menjadikan Malaysia sebagai pintu masuk eksport barangannya ke negara-negara ASEAN dan pasaran Asia manakala Malaysia pula ingin menjadikan Maghribi sebagai gerbang eksport ke pasaran Eropah.

Negara Afrika Utara itu juga menjemput Petronas untuk terbabit secara aktif dalam penerokaan minyak dan gas.

Perdagangan dua hala antara kedua-dua buah negara sehingga Ogos tahun ini berjumlah RM51 juta dengan eksport Malaysia ke Maghribi berjumlah RM43.8 juta manakala import bernilai RM7.2 juta.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar turut hadir pada perjumpaan itu yang berlangsung di sebuah hotel di sini.

-- BERNAMA
SHS AFY MOZ